

SOALAN LAZIM (FAQ) BANTUAN SARA HIDUP RAKYAT

A. SEMAKAN STATUS

1. S: Bagaimanakah cara untuk membuat semakan status Bantuan Sara Hidup Rakyat?

J: Semakan status Bantuan Sara Hidup Rakyat boleh dibuat di:

- i. Portal Rasmi Bantuan Sara Hidup Rakyat LHDNM, <https://bsh.hasil.gov.my> dengan memilih menu MyBSHR > Semakan Status;
- ii. Aplikasi Semakan Bantuan Sara Hidup Rakyat dengan memuat turun di *Play Store / App Store* pada telefon bimbit;
- iii. LHDNM: 1-800-88-2716;
- iv. MoF: 03-8882 4565 / 4566; atau
- v. Hadir ke LHDNM yang berhampiran.

2. S: Saya telah gagal menjawab soalan keselamatan bagi semakan status Bantuan Sara Hidup Rakyat, apa yang perlu saya lakukan?

J: Set semula soalan keselamatan Bantuan Sara Hidup Rakyat boleh dibuat seperti berikut:

- i. Hadir ke LHDNM yang berhampiran; atau
- ii. Hubungi talian Hotline Bantuan Sara Hidup Rakyat
 - 1-800-88-2716 (LHDNM)
 - 03-88824565 / 03-88824566 (MoF)

3. S: Apakah yang dimaksudkan dengan status PERMOHONAN DITERIMA?

J: PERMOHONAN DITERIMA ialah permohonan tuan telah dikemas kini bagi Bantuan Sara Hidup Rakyat dan belum melalui proses semakan dan verifikasi kelayakan.

4. S: Apakah yang dimaksudkan dengan status PERMOHONAN DALAM PROSES?

J: PERMOHONAN DALAM PROSES ialah permohonan tuan sedang dalam tindakan proses semakan dan verifikasi kelayakan.

5. **S: Apakah yang dimaksudkan dengan status PERMOHONAN DITANGGUHKAN?**

J: PERMOHONAN DITANGGUHKAN ialah permohonan yang **belum didaftarkan bagi Bantuan Sara Hidup Rakyat** kerana tuan tidak mengemas kini maklumat Bantuan Sara Hidup Rakyat melebihi 3 tahun iaitu dari tahun 2015 hingga tahun 2017.

Surat makluman akan dikeluarkan agar tuan mengemas kini maklumat permohonan dengan menggunakan Borang Rayuan / Kemas Kini Bantuan Sara Hidup Rakyat (BK-07) di LHDNM dalam tempoh rayuan bermula **02 April sehingga 31 Mei 2018**. Kegagalan tuan untuk membuat permohonan Bantuan Sara Hidup Rakyat akan menyebabkan permohonan **TIDAK LAYAK**.